

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk memerihalkan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1. Fokus kajian adalah terhadap peranan yang dimainkan oleh guru dalam pelaksanaan ini. Dalam bab ini dijelaskan reka bentuk kajian yang meliputi ciri-ciri yang menyebabkan reka bentuk ini digunakan, prosedur memilih tapak dan peserta kajian serta jangka masa kajian dijalankan. Huraian juga merangkumi peranan yang dimainkan oleh pengkaji yang bertindak sebagai instrumen utama dalam kajian ini. Perkara ini diikuti dengan huraian tentang prosedur pengumpulan data, prosedur penganalisan data dan strategi pengesahan dapatan serta isu-isu etika yang dihadapi dalam menjalankan kajian ini.

#### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk merupakan struktur kepada sesuatu kajian dan melibatkan perancangan dalam memilih sumber dan jenis data yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan (Maxwell, 2005). Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan dan soalan kajian. Oleh sebab tujuan kajian adalah untuk memerihalkan dan memahami proses pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani, maka reka bentuk penyelidikan kualitatif adalah yang paling bersesuaian. Hal ini kerana penyelidikan kualitatif mementingkan proses dan membantu dalam memahami sesuatu fenomena dalam persekitaran semula jadi

(Bogden & Biklen, 2007; Maxwell, 2005; Merriam, 2001). Selain daripada itu, reka bentuk ini sesuai kerana kajian ini meneroka secara mendalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang dilaporkan terpinggir dan tidak dilaksanakan seperti yang dihasratkan. Di samping itu, kajian ini juga mendeskripsi secara terperinci peranan yang dimainkan oleh guru selaku agen pelaksana kurikulum itu di sekolah. Jenis penyelidikan kualitatif yang digunakan adalah jenis asas atau generik (Merriam, 2001), iaitu jenis yang menggambarkan ciri-ciri asas penyelidikan kualitatif. Mengikut Merriam, jenis inilah yang paling banyak digunakan dalam penyelidikan pendidikan.

Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk memerihalkan dan memahami peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani, kajian ini melihat pelaksanaan kurikulum itu di sekolah secara holistik dengan tumpuan terhadap pemahaman tentang konteks dan cara konteks tersebut mempengaruhi guru.

Sebagai instrumen yang utama, pengkaji menghabiskan masa di tapak dalam jangka masa yang lama iaitu selama tujuh bulan. Selain daripada itu, kajian yang dijalankan juga mempunyai ciri-ciri interpretif dengan penekanan kepada memahami fenomena yang dikaji dari perspektif peserta kajian itu sendiri. Interpretasi terhadap data dibuat dengan merangkumi pendeskripsian fenomena, penganalisan data bagi mendapatkan tema atau kategori, dan akhirnya membuat interpretasi atau rumusan tentang data yang memberi makna kepada konteks kajian. Bersesuaian dengan ciri generik, data yang dikumpul adalah menerusi kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, dan analisis dokumen yang berkaitan, di samping dianalisis dengan berbantuan kerangka konseptual (Merriam, 2001).

### **Prosedur Memilih Tapak Kajian dan Peserta Kajian**

Selaras dengan ciri-ciri penyelidikan kualitatif yang dibincangkan di atas, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan atau kriteria, iaitu tapak dan individu dipilih dengan sengaja untuk memahami fenomena utama kajian. Pengkaji menentukan kriteria bagi pemilihan tersebut berdasarkan piawai atau standard yang digunakan iaitu sampel yang “kaya maklumat” (*information rich*).

#### ***Tapak Kajian***

Bagi tapak kajian, satu kriteria penting adalah kemudahan infrastruktur iaitu kawasan, kemudahan, dan peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Oleh itu, tiga buah sekolah menengah di sekitar Lembah Klang telah dipilih. Sekolah-sekolah yang dipilih adalah sekolah yang mempunyai kemudahan seperti padang, gelanggang dan gimnasium; sekolah yang sederhana dari aspek kawasan, kemudahan dan peralatan; dan sekolah yang terhad kawasan, kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga jenis sekolah yang menggambarkan variasi daripada aspek kawasan, kemudahan dan peralatan untuk Pendidikan Jasmani dirujuk oleh Creswell (2003, 2008) sebagai variasi iaitu strategi persampelan yang digunakan untuk mendapatkan pelbagai perspektif.

Pada peringkat permulaan, sebanyak 16 buah sekolah telah dicadang dan disenaraikan oleh pihak Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk tujuan kajian rintis dan kajian sebenar. Kesemua sekolah yang disenaraikan telahpun mengambil kira kriteria yang diinginkan. Namun, hanya dua buah

sekolah dipilih untuk kajian rintis dan hanya tiga buah sekolah dipilih untuk kajian sebenar. Di samping itu, satu lagi kriteria yang digunakan adalah sesi persekolahan memandangkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani hanya dijalankan sama ada di sebelah pagi sebelum waktu rehat bagi sesi pagi, atau pada sebelah petang selepas waktu rehat bagi sesi petang. Tiga sekolah tersebut ialah SMK Satu dan SMK Dua bagi sesi petang dan SMK Tiga bagi sesi pagi (kesemuanya nama samaran).

Satu lagi kriteria pemilihan tapak adalah memperoleh persetujuan daripada *gatekeepers* iaitu individu yang mempunyai autoriti bagi membenarkan kajian ini dijalankan (Marshall & Rossman, 1999). Sebelum kajian dijalankan, kebenaran diperoleh daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia, serta Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Setelah itu, perbincangan dibuat dengan pihak pentadbir sekolah untuk mendapatkan persetujuan mereka.

### ***Pemilihan Peserta Kajian***

Di setiap tapak atau sekolah yang dipilih, pemilihan peserta kajian dibuat dalam kalangan individu yang mampu membekalkan maklumat yang kaya dan mendalam serta sanggup memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pengkaji (Bogden & Biklen, 2007; Maxwell, 2005). Pemilihan peserta kajian juga dibuat berasaskan beberapa kriteria tertentu (Merriam, 2001) iaitu terdiri daripada individu yang mengajar Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di Tingkatan 1, serta mempunyai kepelbagaian dan perbezaan daripada aspek latar belakang pendidikan atau latihan dan pengalaman. Perbezaan ini termasuklah memilih peserta kajian dalam

kalangan mereka yang beropsyen Pendidikan Jasmani dan bukan beropsyen Pendidikan Jasmani. Mereka juga memperoleh latihan ikhtisas dari institusi pengajian tinggi yang berbeza.

Di samping itu, kesemua peserta kajian iaitu Amelia, Sara, Shaari dan Azim (kesemuanya nama samaran) dipilih dalam kalangan mereka yang mempunyai pengalaman yang berbeza. Hal ini termasuklah perbezaan daripada aspek-aspek seperti pengalaman kerjaya, pendedahan dan keterlibatan dalam kursus-kursus yang melibatkan permainan, pengajaran dan pembelajaran, penyusunan dan pemurnian rancangan tahunan di peringkat-peringkat tertentu, dan kursus atau seminar yang pernah mereka hadiri. Ringkasan tapak, peserta kajian dan kategori sekolah yang dipilih adalah seperti yang tertera di bawah (Jadual 3.1).

Jadual 3.1

*Ringkasan Tapak, Peserta Kajian dan Kategori Sekolah*

Tapak	Peserta Kajian	Kategori Sekolah
SMK Satu	Amelia	Sekolah yang terhad kawasan, kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran
SMK Dua	Sara Shaari	Sekolah yang mempunyai kemudahan seperti padang, gelanggang dan gimnasium untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran
SMK Tiga	Azim	Sekolah yang sederhana dari aspek kawasan, kemudahan dan peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran

Pada peringkat permulaan, seramai enam orang guru disenaraikan iaitu dua orang dari setiap buah sekolah. Namun disebabkan kekangan daripada aspek jadual waktu pengajaran, hanya empat orang peserta kajian sahaja dikekalkan. Hal ini disebabkan terdapat pertindihan jadual waktu antara mereka. Selain itu, pemilihan peserta juga dibuat berdasarkan persetujuan dan mereka telah menandatangani borang persetujuan berpengetahuan (Lampiran P).

### *Jangka Masa Kajian*

Dalam penyelidikan kualitatif, jangka masa kajian bergantung kepada tahap tepu data yang diperoleh, iaitu keadaan apabila data yang dikumpul bertindih antara satu sama lain dan tidak menghasilkan data yang baru (Bogden & Biklen, 2007). Di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Jasmani diperuntukan sebanyak dua waktu dalam seminggu, iaitu selama 40 minit bagi setiap waktu pengajaran dan pembelajaran. Waktu pengajaran adalah pada waktu pertama hingga selewat-lewatnya waktu ke empat di dalam jadual waktu sistem persekolahan sesi pagi dan mulai waktu kelima dalam jadual waktu bagi waktu persekolahan sesi petang.

Memandangkan bilangan waktu yang sedikit ini, kajian telah dijalankan selama tujuh bulan. Kajian bermula pada awal bulan Mac dan berakhir pada pertengahan bulan November pada tahun 2008. Pengkaji menggunakan minggu-minggu pertama bagi mendapatkan tahap pembiasaan di setiap konteks khususnya dengan peserta kajian yang terlibat.

## Peranan Pengkaji

Penyelidikan kualitatif memerlukan penyelidik bertindak sebagai instrumen yang utama (Bogden & Biklen, 2007; Merriam, 2001) dan bermakna pengkaji terlibat dalam kerja lapangan dan berada di tapak kajian selama tujuh bulan. Bersesuaian dengan tujuan kajian, pengkaji memainkan peranan sebagai pemerhati sepenuhnya iaitu memisahkan diri daripada perkara yang dikaji dengan menjalankan pemerhatian dari jauh (*non-participant observer*). Peranan ini memerlukan kepekaan yang tinggi bagi memahami maksud dan kefahaman yang baik terhadap data yang dikumpul (Strauss & Corbin, 1990).

Bagi tujuan kelancaran kajian, kajian rintis telah dijalankan. Kajian rintis tersebut bertujuan membolehkan pengkaji berpeluang mencuba protokol temu bual dan pemerhatian serta membiasakan diri dengan kaedah pengumpulan data secara kualitatif, menganalisis dan mendeskripsi latar semula jadi berdasarkan perkara yang dilihat, didengar dan diperkatakan oleh peserta kajian sahaja. Pengkaji juga mengeneipkan persoalan emosi walaupun terdapat elemen-elemen percanggahan pendapat dalam isu-isu yang diutarakan dalam menyiasat dan mengetahui fenomena yang berlaku terhadap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 1 di sekolah. Ilmu dan pengalaman yang diperoleh kemudiannya membuatkan pengkaji lebih berkeyakinan berhadapan dengan penyelidikan sebenar khususnya dalam memahami fenomena yang dikaji.

Sebagai seorang yang cenderung bersifat kaku, pengalaman ini sedikit sebanyak menjadikan pengkaji lebih peka dalam usaha memahami perspektif peserta kajian. Kajian rintis ini juga membuatkan pengkaji lebih yakin apabila berhadapan dengan situasi sebenar dalam lapangan.

## **Prosedur Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, dan analisis dokumen yang berkaitan. Penggunaan ketiga-tiga kaedah tersebut digalakkan dalam penyelidikan kualitatif untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dalam dapatan (Merriam, 2001).

### ***Pemerhatian***

Kaedah pengumpulan data secara pemerhatian memberi peluang kepada pengkaji mendapat maklumat secara langsung terhadap program, proses atau sesuatu perkara yang ingin dikaji dalam situasi semula jadi (Merriam, 2001). Bagi kajian ini, protokol pemerhatian (Lampiran A) digunakan di mana protokol tersebut bertindak sebagai panduan terhadap perkara yang ingin diperhatikan dan dirakamkan.

Bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh, pengkaji membuat pemerhatian tentang latar tempat atau konteks, peranan yang dimainkan oleh peserta kajian, kegiatan dan interaksi guru dan murid, dan perkara-perkara lain yang terjelma semasa pemerhatian (Merriam, 2001).

Dalam kajian ini, pemerhatian yang dijalankan adalah pemerhatian yang tidak turut serta. Pengkaji telah menempatkan diri di sudut yang bersesuaian dan bertindak memisahkan diri daripada perkara yang dikaji iaitu dengan menjalankan pemerhatian dari jauh. Pengkaji bertindak dengan membuat pemerhatian iaitu memerhatikan perkara-perkara yang berlaku secara global, mendeskripsi secara menyeluruh, tepat dan terperinci serta cuba memberi fokus



kepada perkara yang mampu memberi makna kepada kajian, dengan membuat catatan lapangan (*descriptive fieldnotes*) berdasarkan pemerhatian.

Selain daripada membuat catatan lapangan, pengkaji juga menggunakan rakaman video bagi membantu merakamkan pemerhatian yang dijalankan. Walaupun rakaman tersebut memberi kesan kepada pengajaran guru dan respons murid seperti gerak laku yang tidak *natural* tetapi ini berlaku hanya pada peringkat permulaan sahaja. Selepas satu jangka masa singkat, guru dan murid berkelakuan seperti biasa dan rakaman tersebut tidak merupakan suatu gangguan lagi. Walau bagaimanapun, rakaman video ini tidak dilakukan untuk setiap episod pengajaran. Pelaksanaan kurikulum ini yang kompleks dan dinamik menyebabkan, murid dan guru bergerak ke sana-sini. Hal ini menyukarkan pengkaji merakamkan kesemua episod pengajaran dan pembelajaran mereka.

Seperti yang disarankan oleh Bogden dan Biklen (2007), selain dari membuat catatan lapangan secara menyeluruh dan terperinci terhadap perkara-perkara yang diperhatikan, pengkaji juga membuat catatan reflektif (*reflective fieldnotes*) dan menulis memo (Miles & Huberman, 1994) untuk isu-isu yang timbul dan yang perlu diberi perhatian semasa pemerhatian tersebut dijalankan. Memo tersebut merupakan refleksi peribadi terhadap perkara-perkara yang berlaku di tapak kajian ataupun penelitian semula secara berterusan terhadap perkara yang terjelma semasa kajian tersebut dijalankan. Kesemua catatan lapangan, catatan reflektif dan memo diberikan kod tertentu dan tarikh perkara ini dicatat bagi tujuan pengurusan data.

Pengkaji tidak menetapkan bilangan atau kekerapan yang diperlukan untuk menjalankan pemerhatian sebaliknya pengkaji berada di tapak kajian pada

hari dan waktu Pendidikan Jasmani untuk kelas yang diperhatikan itu berlangsung. Hal ini bertujuan supaya pengkaji tidak tertinggal dengan perkara yang berlaku pada hari tersebut yang memberi makna dalam kajian. Walau bagaimanapun, pengkaji bertindak meninggalkan tapak apabila peserta kajian tidak hadir atau terlibat dengan aktiviti lain yang tidak mengizinkan mereka berada di situ. Kajian tersebut dihentikan apabila pengkaji berasakan tidak wujud data yang baru dan data yang dikumpul bersifat tepu (*saturated data*) serta mampu menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, pemerhatian yang dijalankan terhadap Amelia adalah sebanyak 20 kali. Pemerhatian terhadap Sara adalah sebanyak 22 kali. Pemerhatian terhadap Shaari dijalankan sebanyak 15 kali, dan pemerhatian terhadap Azim pula adalah sebanyak 18 kali dalam tempoh tujuh bulan.

Selepas setiap kali pemerhatian dijalankan, pengkaji melengkapkan serta menghasilkan ringkasan catatan dan membuat transkripsi daripada pemerhatian dan rakaman video. Data analisis awal membantu dalam meningkatkan kepekaan pengkaji selain daripada menghasilkan soalan untuk ditemu bual dengan peserta kajian pada peringkat yang seterusnya.

### ***Temu Bual***

Bagi kajian ini, kaedah temu bual merupakan sumber yang membolehkan pengkaji mengetahui dan memahami serta mendapatkan pengesahan tentang fenomena yang dikaji (Merriam, 2001). Kaedah tersebut merupakan perbualan bertujuan yang memerlukan pengkaji sama ada bersemuka secara individu atau

berkumpulan dengan peserta kajian bagi mendapatkan maklumat atau penjelasan mengenai sesuatu perkara (Merriam, 2001).

Selain empat orang peserta kajian, temu bual juga dijalankan dengan murid kelas yang diperhatikan. Temu bual dijalankan berdasarkan protokol temu bual guru dan murid (Lampiran B dan C) yang dihasilkan oleh pengkaji. Bagi guru, sama seperti yang dilakukan oleh Aini Hassan (2004), pengkaji menjalankan dua temu bual utama, iaitu temu bual utama pada peringkat permulaan atau peringkat pertama yang dilakukan sebelum pemerhatian pengajaran dan pembelajaran dijalankan, dan temu bual utama di peringkat kedua, iaitu temu bual yang dijalankan di akhir kerja lapangan setelah tamat pemerhatian dijalankan.

Temu bual utama pada peringkat permulaan bertujuan mendapatkan keselesaan dalam kalangan peserta kajian dan menggalakkan mereka untuk ditemu bual (Aini Hassan, 2004; Creswell, 2003), di samping mendapatkan maklumat tentang latar belakang pendidikan yang mereka terima, sebab-sebab menceburi profesion perguruan, pengalaman mengajar, pengalaman berkursus, pengetahuan tentang tajuk-tajuk pengajaran, dan cara pengajaran tajuk-tajuk yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani. Pengkaji berpeluang menjalankan temu bual peringkat ini selama 100 hingga 120 minit bagi setiap peserta kajian.

Temu bual utama di peringkat kedua pula bertujuan untuk membincangkan dan mendapatkan penjelasan daripada peserta kajian (Aini Hassan, 2004) tentang perkara yang berhubung dengan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah pada masa yang diperhatikan oleh pengkaji

semasa pemerhatian. Pada peringkat ini pengkaji mengemukakan soalan yang berbentuk *probing* bagi mendapatkan penjelasan berkaitan perkara yang berlaku semasa pemerhatian. Secara puratanya, pengkaji berpeluang menemu bual peserta kajian selama 350 minit setiap seorang. Kesemua temu bual tersebut dijadualkan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dan mengikut kesesuaian waktu peserta kajian.

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur berpandukan protokol temu bual. Antara perkara yang ditanyakan adalah jumlah masa dan kedalaman isi kandungan yang disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran, jumlah jam yang diperuntukkan untuk persediaan pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik dan bagaimana guru mengubahsuai struktur komponen pengajaran yang terkandung dalam kurikulum. Untuk tujuan kelancaran temu bual seperti mana yang dicadangkan oleh Creswell (2008), pengkaji telah mengingatkan kata kunci bagi setiap soalan (Lampiran D).

Di samping dua temu bual utama, banyak temu bual dijalankan sebelum dan selepas pemerhatian dijalankan. Peluang Sara dan Shaari berada dalam konteks yang sama juga memberi kesempatan kepada pengkaji untuk menjalankan sesi temu bual interaktif (*interacting interviews*) iaitu temu bual yang memberi peluang pengkaji bersemuka secara serentak dengan peserta-peserta kajian yang terlibat (Ellis, 2007). Temu bual interaktif yang dijalankan selama 45 minit itu memberi peluang kepada pengkaji merungkai perkara-perkara berkaitan proses pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani daripada peserta kajian yang berada dalam konteks yang sama tetapi berbeza konsepsi dan kaedah pelaksanaannya.

Di samping itu, pengkaji juga menjalankan temu bual terhadap individu yang terlibat dalam konteks sekolah seperti pentadbir, ketua panitia, setiausaha sukan dan guru-guru yang berkaitan selain daripada peserta kajian itu sendiri. Setiap temu bual yang dijalankan ditranskripsi secara verbatim.

### ***Analisis Dokumen***

Menurut Merriam (2001), dokumen merupakan sumber sedia ada yang dapat membantu dalam sesuatu penyelidikan. Dokumen terdiri daripada bahan-bahan bercetak, bahan bertulis, rekod audio dan visual, sama ada yang bersifat umum (*public record*) atau peribadi (*personal documents*) yang didalamnya terkandung maklumat tentang sesuatu aktiviti, perkara atau sejarah. Dalam kajian ini, dokumen yang relevan daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sekolah, telah dikumpulkan dan dirujuk bagi membantu kajian. Antaranya, Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran, buku rekod pengajaran dan pembelajaran, rekod ujian kecergasan dan rekod-rekod pentaksiran dan penilaian lain yang berkaitan, dan minit mesyuarat panitia mata pelajaran Pendidikan Jasmani (Lampiran E). Oleh sebab buku rekod pengajaran merupakan dokumen rasmi yang penting bagi seseorang guru, pengkaji telah memohon keizinan peserta kajian untuk meneliti rancangan pelajaran tahunan dan rancangan harian mereka. Rancangan pelajaran tahunan mengandungi ringkasan isi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan sukatan pelajaran, sementara rancangan pelajaran harian pula merupakan terjemahan rancangan pelajaran tahunan yang mengandungi maklumat seperti objektif, aktiviti untuk mencapai objektif, dan catatan refleksi tentang sejauh

mana objektif tersebut tercapai. Dokumen tersebut penting bagi memberi data tambahan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Analisis dokumen juga membolehkan triangulasi dilakukan terhadap data yang dipungut menerusi kaedah pemerhatian dan temu bual.

### **Prosedur Penganalisan Data**

Seperti yang ditekankan oleh Miles dan Huberman (1994), analisis data bermula sebaik sahaja pengkaji memulakan kerja lapangan. Data yang dikumpul dianalisis melalui dua peringkat. Peringkat pertama adalah analisis semasa peringkat pengumpulan data dan peringkat kedua merupakan analisis yang dijalankan selepas data dikumpulkan. Analisis data pada peringkat pertama dilakukan secara serentak dan berterusan semasa dan di luar lapangan. Hal ini bermakna, pengkaji membuat analisis semasa kaedah pemerhatian dijalankan. Isu atau perkara yang terjelma dan memerlukan penjelasan daripada peserta kajian ditanya menerusi kaedah temu bual kemudiannya. Pengkaji juga berpeluang mendapatkan dokumen yang berkaitan bagi tujuan triangulasi. Kesemua data yang dikumpul disusun dalam bentuk catatan lapangan dan koleksi pita audio yang perlu melalui peringkat pembersihan data, memahami data dan dianalisis untuk pembentukan kod dan kategori.

### ***Pembersihan Data***

Kesemua data yang dikumpul menerusi kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan analisis dokumen ditranskripsi terlebih dahulu. Hal tersebut dilakukan sendiri oleh pengkaji untuk membiasakan diri dengan data yang dikumpul.

Proses ini dijalankan sebaik sahaja pengkaji menjalankan pemerhatian, temu bual atau melihat dokumen berkaitan. Perkara ini dilakukan segera bagi membolehkan pengkaji menambah perkara-perkara yang tidak sempat dicatat pada masa kaedah pengumpulan data dijalankan. Selain itu, proses ini juga membantu pengkaji apabila membuat catatan reflektif. Bagi memudahkan transkripsi dari rakaman temu bual, pengkaji menggunakan *Digital Voice Editor*. Perisian ini memudahkan transkripsi secara verbatim dan pada masa yang sama menghayati kata-kata yang dilafazkan oleh guru dan murid serta individu lain yang ditemu bual (Lampiran F). Contoh transkripsi untuk data yang ditemu bual dan diperhatikan adalah seperti yang tertera dalam lampiran G dan lampiran H.

Dalam kajian ini, sebanyak 175 transkripsi dilakukan. Bilangan ini merupakan transkripsi yang dibuat hasil daripada pengumpulan data menerusi kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan analisis dokumen yang berkaitan (Jadual 3.2). Transkripsi yang lengkap dengan butir-butir seperti nama sekolah, nama peserta kajian dan tarikh, diberikan kod dan indeks (Lampiran I) bagi membezakan data pemerhatian, data temu bual dan data dari dokumen serta memudahkan proses mendapatkan semula data asal dan membuat rujukan silang maklumat ketika menulis dan membuat laporan.

Jadual 3.2

*Transkripsi Peserta Kajian*

<b>Butiran</b>	<b>Peserta Kajian</b>				<b>Jumlah</b>
	<b>Amelia</b>	<b>Sara</b>	<b>Shaari</b>	<b>Azim</b>	
Pemerhatian	20	22	15	20	77
Catatan/Memo	4	4	4	5	17
Temu Bual Peserta Kajian	7	8	7	7	29
Dokumen	2	2	2	2	8
Rakaman	2	2	1	1	6
Temu Bual Murid	6	6	8	8	28
Temu Bual (Pengetua/Guru/Setiausaha Sukan/Ketua Panitia			9		9
Temu Bual Interaktif			1		1
Jumlah Transkripsi					175

***Memahami Data***

Proses memahami data melibatkan pembacaan dan penelitian transkripsi yang berulang kali. Pada setiap kali pembacaan, pengkaji membuat catatan dan menanda bahagian yang tertentu. Proses membuat transkripsi yang dilakukan sendiri oleh pengkaji bermakna pengkaji telah mula membaca dan menganalisis data semasa membuat transkripsi tersebut.



### ***Penganalisan Data***

Analisis peringkat pertama dilakukan semasa peringkat pengumpulan data sedang dijalankan. Seperti yang dicadangkan oleh Glaser dan Strauss (1967, dalam Miles dan Huberman, 1994), pengkaji menggunakan kaedah perbandingan berterusan atau *constant comparative method*. Kaedah ini bermakna perbandingan secara konsisten dilakukan dari semasa ke semasa. Setiap kali pengkaji memilih petikan atau teks dan mengekodnya, pengkaji membandingkannya dengan kesemua petikan yang telahpun dikod sebelum ini dengan cara yang sama atau dalam kes yang berlainan. Analisis peringkat pertama membantu pengkaji dalam menanyakan serta mengesahkan pernyataan kabur yang dinyatakan oleh peserta kajian terhadap persoalan yang ditimbulkan semasa kaedah pungutan data.

Analisis peringkat kedua pula dilakukan selepas selesai pengumpulan data dan setelah pengkaji meninggalkan tapak kajian. Pada peringkat ini, data yang telah ditranskripsi diteliti baris demi baris untuk proses pengekodan dan penghasilan kategori. Proses ini dilakukan setelah kesemua data yang dikumpul untuk keempat-empat peserta kajian selesai ditranskripsi.

***Pengekodan.*** Seperti yang dinyatakan oleh Miles dan Huberman (1994), kod adalah tag atau label untuk menandakan sesuatu unit makna kepada sesuatu maklumat deskriptif. Pengekodan pula merupakan proses melabel atau memberi kod tertentu kepada sesuatu unit data.

Dalam kajian ini, setelah menjalankan pembersihan data, pengkaji memindahkan atau mengeksport data ke dalam perisian yang dapat membantu

dalam pengurusan data kualitatif yang dikenali sebagai NUD\*IST VIVO Versi 7 atau NVivo7. Pengkaji membentuk kod daripada ketulan (*chunks*) data dan proses ini dijalankan secara sistematik, teliti dan berulang-ulang. Pengkaji meneliti baris demi baris data dan membuat perbezaan warna pada baris ayat tersebut untuk tujuan pengekodan (Lampiran J).

Proses ini dijalankan sehinggalah kesemua transkripsi selesai diteliti dan dikodkan. Bagi mengelakkan berlakunya pertindihan dalam pengekodan, pengkaji membuat deskripsi untuk setiap kod yang dihasilkan. Perkara ini mudah dilakukan menerusi perisian tersebut.

Straus dan Corbin (1998), menggariskan bahawa terdapatnya peringkat-peringkat pengekodan dalam analisis data bagi membentuk tema atau kategori, iaitu pengekodan terbuka (*open coding*), pengekodan paksi (*axial coding*) dan pengekodan pilihan (*selective coding*). Pengekodan terbuka merupakan peringkat awal pengkategorian. Pada peringkat ini data dipisahkan dari sebahagian daripada keseluruhan dan dibandingkan antara satu sama lain. Bahagian yang dikeluarkan di letakkan di bawah satu kumpulan yang sama dan dilabelkan. Seterusnya, pengekodan paksian digunakan untuk menghubungkan pelbagai kategori induk atau kategori yang lebih kecil. Oleh kerana proses pengekodan terbuka dan pengekodan paksian dijalankan dengan berbantuan perisian NVivo, istilah yang sama maksud digunakan untuk kod terbuka dan kod paksian adalah *free nodes* dan *tree nodes*. Peringkat pengekodan pilihan pula melibatkan proses memilih kategori teras, mengaitkan kategori lain secara sistematik di samping berpandukan kerangka konseptual. Pengekodan pilihan merupakan peringkat akhir dan berlaku pada peringkat yang lebih abstrak bagi tujuan pelaporan kajian.

Dalam kajian ini, kod terbuka terjelma dari data yang dikumpulkan (Lampiran K, L dan M). Selepas proses pengekodan selesai, pengkaji merujuk kepada kekerapan isu yang dikemukakan oleh peserta kajian. Pengkaji menjalankan perbandingan dalam kes (*comparasion within case*) iaitu dengan membandingkan data bagi seseorang peserta kajian yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Pengkaji juga menjalankan perbandingan bersilang kes (*cross case comparision*) yang melibatkan perbandingan antara keempat-empat peserta kajian untuk penghasilan kategori.

***Penghasilan kategori.*** Kumpulan ini kemudian dilabelkan dengan satu konsep atau kategori (dalam istilah NVivo7 disebut *tree nodes*). Hal ini dilakukan secara membanding beza pola tema dan sub tema yang muncul daripada data dengan berpandukan kerangka konseptual kajian. Nama kategori yang diperoleh adalah daripada sorotan kajian dan ada juga kategori yang muncul daripada peserta kajian sendiri. Di samping itu, pelabelan pada ketegori juga disesuaikan agar relevan dan selari dengan kerangka konseptual yang digunakan. Seperti yang disarankan oleh Merriam (2001), pelabelan kategori haruslah menggambarkan tujuan kajian, mewakili keseluruhan data, saling melengkapi, mendapat tarikan dan konsepsi yang kongruen.

Dalam kajian ini, sebanyak 201 kod terbuka (Lampiran N) telah dikelompokkan kepada 74 pengekodan paksian peringkat pertama dan 31 pengekodan paksian peringkat kedua, dan akhirnya kepada pengekodan pilihan yang bersesuaian dengan soalan kajian (Jadual 3.3). Dengan menggunakan perisian NVivo Versi 7, pengkaji menjalankan *matrix coding query* dalam

mendapat dan membezakan pola yang terdapat pada setiap peserta kajian untuk tujuan pelaporan.

Jadual 3.3

*Peringkat Pengekoden*

Pengekoden Terbuka	Pengekoden Paksian	Pengekoden Pilihan	Pelaporan
201 pengekoden terbuka yang dibentuk daripada penelitian baris demi baris data pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen	74 pengekoden paksian peringkat pertama 31 pengekoden paksian peringkat kedua yang dikelompokkan daripada pengekoden terbuka	Dokumen Rasmi	Perancangan
		Kemudahan dan Peralatan	
		Pengetahuan, Pengalaman dan Kemahiran Guru	
		Ciri-ciri Murid	
		Pengurusan dalam Penyampaian Kurikulum	Penyampaian
		Pengendalian Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	
		Penilaian Formatif	Penilaian
		Penilaian Sumatif	
		Perspektif Peserta Kajian	Konsepsi

### **Strategi Pengesahan Dapatan Kajian**

Strategi pengesahan dapatan kajian merupakan aspek penting dititik beratkan dalam sesuatu penyelidikan kualitatif (Merriam, 2001). Strategi pengesahan dapatan berperanan agar kategori yang terhasil untuk peringkat akhir memberi gambaran tentang fenomena yang berlaku dalam proses pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani di sekolah.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan strategi triangulasi, pemerhatian pada jangka masa panjang atau *long-term observation*, semakan ahli atau *member-checking* dan *peer review* untuk mempertingkatkan kesahan dalaman.

Kaedah triangulasi merupakan penggunaan pelbagai sumber data yang dikumpul menerusi kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk memperkukuh dapatan kajian (Merriam, 2001). Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian dan temu bual dengan guru digunakan untuk mengesahkan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani yang berlaku di bilik darjah. Di samping itu pengkaji juga menemu bual pentadbir sekolah, ketua panitia dan beberapa orang guru untuk mengesahkan dapatan kajian.

Selain itu, pengkaji menjalankan pemerhatian dalam jangka masa yang panjang di tapak kajian iaitu selama tujuh bulan. Pengkaji memulakan kajian secara rasmi pada bulan Mac dan berakhir secara rasmi pada bulan November. Pengkaji berada di sekolah pada setiap kali waktu Pendidikan Jasmani, iaitu dua hari setiap minggu bagi setiap peserta kajian. Pengkaji berada bersama-sama peserta kajian selama beberapa jam iaitu mulai 7.30 pagi hingga 10.20 pagi bagi

peserta kajian pada sesi pagi (Amelia dan Azim) dan mulai 3.00 petang hingga 6.45 petang (Sara dan Shaari) bagi peserta kajian yang berada pada sesi petang.

Pengkaji juga menggunakan strategi semakan ahli iaitu peserta kajian diberi peluang untuk melihat transkripsi dari pemerhatian, temu bual serta analisis dokumen yang dibuat. Perkara ini dilakukan kerana peserta kajian yang dipilih terdiri daripada mereka yang matang dan memahami akan tujuan kajian. Justeru, pengkaji menjalankan perbincangan dengan peserta kajian pada setiap awal bulan mengenai data dan interpretasi yang dibuat agar deskripsi yang dijalankan menepati realiti sebenar kajian. Masa yang dipilih iaitu pada awal bulan adalah bersesuaian bagi tujuan sistem pengurusan data dan memberi ruang kepada pengkaji menyiapkan semua transkripsi untuk data yang dikumpul menerusi kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen bagi bulan yang sebelumnya. Dalam hal ini pengkaji memberi peserta kajian membaca transkripsi dan memungutnya pada minggu yang berikutnya. Pengkaji mendapatkan pengesahan untuk setiap transkripsi yang diberikan. Pengkaji juga berbincang dengan mereka sekiranya terdapat perkara yang tidak dipersetujui untuk tujuan pelaporan. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan kepastian terhadap tafsiran mengenai perkara yang diutarakan oleh mereka. Contohnya, dalam situasi di mana peserta kajian memanggil kesemua murid ke hadapan dan bersama-sama melihat buku teks untuk pegangan lontar peluru, pengkaji mendapatkan kepastian bahawa peserta kajian tersebut kurang yakin dengan cara pegangan yang betul. Hal ini bagi memastikan interpretasi yang dibuat berdasarkan kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan analisis dokumen adalah sah dan tepat. Secara keseluruhannya, pengkaji menjalankan semakan ahli sebanyak lima kali

terhadap setiap peserta kajian Amelia, Sara, Shaari dan Azim (Lampiran O). Pengkaji memberi masa kepada kesemua peserta kajian meneliti transkripsi yang diberikan. Setelah peserta kajian meneliti deskripsi yang diberikan, pengkaji mengekalkan atau membuat beberapa perubahan atas permintaan dan persetujuan mereka.

Di samping itu, pengkaji juga menjalankan *peer review* di mana kategori yang dihasilkan disemak oleh dua orang pakar dalam bidang yang sama di salah sebuah Institusi Pendidikan Guru di Malaysia. Mereka dipilih atas dasar kepakaran dalam bidang pedagogi Pendidikan Jasmani yang melebihi 15 tahun, dan mempunyai pengetahuan dalam penyelidikan kualitatif. Kedua-dua mereka berperanan dalam mengesahkan pengkodan yang dibuat adalah bersesuaian dengan pendeskripsian, untuk penghasilan kategori atau tema.

Bagi tujuan mendapatkan kesahan luaran, pengkaji memberikan deskripsi secara terperinci terhadap setiap peserta kajian dalam laporan. Pengkaji mengambil masa yang lama dan mencukupi bagi mendapatkan data yang sah dan tepu untuk mendeskripsi secara jelas dan terperinci akan fenomena yang dikaji agar mampu memberi gambaran sebenar situasi yang berlaku.

Dari aspek bias pengkaji, latar belakang bertugas sebagai pensyarah di salah sebuah Institusi Pendidikan Guru di Kuala Lumpur, bermakna pengkaji pernah membuat pemantauan praktikum di sekolah-sekolah yang terlibat, dan ini merupakan suatu kelebihan untuk berurusan dengan pihak pentadbir di sekolah tersebut. Namun pengkaji tidak mengenali secara peribadi kesemua peserta kajian sebelum kajian dijalankan.

Di samping itu, pengalaman bertugas sebagai pensyarah Pendidikan Jasmani menyebabkan pengkaji cenderung melihat pengajaran guru dari kaca mata penilai. Justeru, dalam menjalankan kajian di realiti sebenar di sekolah, perasaan sedemikian diketepikan sebaliknya bertindak dengan memahami situasi yang berlaku dari perspektif emik.

Untuk mempertingkatkan kebolehpercayaan dapatan iaitu mendapatkan data yang tepat, pengkaji menjalankan jejak audit dan pengumpulan data menerusi pelbagai kaedah iaitu pemerhatian, kaedah temu bual dan analisis dokumen (Merriam, 2001). Jejak audit yang dimulakan sebaik sahaja pengkaji berjaya melepasi sesi *vetting*. Jejak audit ini melibatkan pengkaji merakamkan secara terperinci perkara yang berlaku dari awal hinggalah ke akhir kajian dijalankan. Hal ini termasuklah deskripsi terperinci tentang pemilihan peserta kajian, konteks kajian, kaedah pengumpulan data, penghasilan kod dan kategori serta kesimpulan yang dibuat sepanjang perjalanan penyelidikan ini.

### **Isu Etika yang Dihadapi**

Persoalan etika merupakan perkara penting dalam kajian kualitatif kerana kajian ini melibatkan jangka masa yang lama (Noraini Mohd. Salleh, 2004). Bagi peringkat pengumpulan data, pengkaji mendapatkan persetujuan berpengetahuan atau *informed consent* daripada peserta kajian (Lampiran P). Persetujuan berpengetahuan merupakan persetujuan yang diberikan oleh peserta kajian kepada pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Seidman (1998), peserta kajian mesti mengetahui pengkaji dan kajiannya. Hal ini melibatkan peserta kajian mengetahui latar belakang serta



identiti pengkaji seperti nama, nama institusi terlibat, tujuan kajian dan perkara yang perlu dilakukan oleh peserta kajian. Peserta kajian juga dimaklumkan risiko yang bakal dihadapi seperti diperhatikan pengajaran di bilik darjah, ditemu bual dan dianalisis dokumen peribadi yang berkaitan yang berkemungkinan menimbulkan ketidakselesaian kelak.

Dalam hal ini, pengkaji terlebih dahulu memperkenalkan diri dan menyatakan tujuan dijalankan pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Pengkaji juga memaklumkan bahawa kesemua peserta kajian akan diperhatikan pengajaran dan pembelajaran mereka dan ditemu bual dari semasa ke semasa, di samping membuat analisis terhadap dokumen yang relevan untuk tujuan kajian.

Peserta kajian juga dimaklumkan bahawa interaksi yang berlaku untuk tujuan kajian ini tidak hanya berakhir di sekolah. Malah, pengkaji berkemungkinan bertanyakan perkara-perkara yang bersabit dengan kajian ini selepas waktu persekolahan, dan sehingga tamat kajian ini dijalankan kelak.

Selain itu, peserta kajian juga dimaklumkan bahawa perkara-perkara seperti nama dan nama sekolah yang sebenar akan dirahsiakan, sebaliknya pengkaji menggunakan nama samaran untuk tujuan penulisan tesis. Mereka juga diberitahu bahawa kajian yang dijalankan tidak ada kena mengena dengan laporan pemantauan pihak Jemaah Nazir mahupun pihak sekolah. Malah dapatan kajian mengenai mereka juga dilindungi daripada pengetahuan pihak pentadbir di sekolah.

Peserta kajian juga dimaklumkan tentang signifikan kajian kepada individu, pentadbir, perancang kurikulum dan organisasi yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dalam bidang ini. Mereka juga diyakinkan bahawa

kesemua data tidak akan disebarakan untuk tontonan atau diperdengarkan kepada umum tanpa kebenaran mereka.

Selain itu, kesemua peserta kajian dimaklumkan bahawa mereka mempunyai hak untuk menyemak semula perkara yang diperkatakannya. Mereka juga dimaklumkan bahawa mereka mempunyai hak mutlak untuk tidak membenarkan pengkaji menyiarkan pernyataan yang pernah mereka keluarkan bagi tujuan tidak menyingung mana-mana pihak. Makluman tersebut disertakan dengan surat pengakuan.

Begitu juga dengan peringkat analisis data. Pengkaji tidak memanipulasikan data yang diperoleh dan sebaliknya hanya mendeskripsikan dengan terperinci data yang diperoleh.

### **Rumusan**

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif bersesuaian dengan tujuan dan soalan kajian. Data yang dikumpul adalah menerusi kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan analisis dokumen yang berkaitan. Dalam kajian ini, sebanyak tiga buah sekolah dipilih sebagai tapak kajian. Sekolah-sekolah yang dipilih terdiri daripada sekolah yang mempunyai perbezaan dari aspek kemudahan infrastruktur seperti kawasan, kemudahan serta peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.

Di samping itu, seramai empat orang peserta kajian dipilih dan mereka dipilih dalam kalangan guru yang mempunyai kriteria yang tertentu seperti mempunyai kepelbagaian dan perbezaan daripada aspek latar belakang pendidikan atau latihan dan pengalaman.

Di dalam bab ini juga diuraikan peranan yang dimainkan oleh pengkaji yang bertindak sebagai instrumen utama dalam kajian ini. Selain itu, dijelaskan secara terperinci mengenai prosedur pengumpulan, penganalisan sehingga terhasilnya kod, tema atau kategori untuk tujuan pelaporan. Sebanyak 201 kod terbuka telah dikelompokkan kepada 74 pengekodan paksian peringkat pertama dan 31 pengekodan paksian peringkat kedua, dan akhirnya kepada pengekodan pilihan yang bersesuaian dengan soalan kajian. Kajian ini juga mengambil berat tentang strategi pengesahan data di samping isu-isu etika yang diambil kira dalam menjalankan kajian.